

LATIHAN PAP OFF BASE PU SUBANG 2018



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4172-latihan-pap-off-base-pu-subang-2018

SUBANG, 21 Nov 18 - Latihan kemalangan pesawat di luar pangkalan (PAP OFF BASE) telah dilaksanakan oleh PU Subang bertempat di Padang Bola Sepak Kompleks SMS PDRM, TTDI Jaya, Shah Alam. Simulasi insiden bermula pada 1050 pagi terhadap pesawat helikopter kepunyaan No 2 Skuadron iaitu AS61N1 yang mengalami masalah enjin ketika berlepas dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah. Pesawat tidak dapat dikawal dan terpaksa simulasi pendaratan kecemasan di atas padang.

Latihan tersebut melibatkan pasukan 'Quick Response Force' (QRF) dari Skuadron 208 Provos, Rstt serta Pasukan Bomba Pangkalan Udara Subang. Agensi luar yang terlibat adalah anggota PDRM, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pasukan penilai yang diketuai oleh Pegawai Keselamatan Pangkalan iaitu Mej Mila TUDM telah memastikan semua prosidur dilaksanakan berpandukan 'checklist' yang telah ditetapkan. Turut hadir menjayakan latihan ini adalah Komander Pangkalan Udara Subang, Brig Jen Dato' Hj Muhammad Mudzamir Ong TUDM, Pegawai Laksana Pangkalan Kol Mohd Azwan TUDM dan Ketua Cawang Tadbir, Lt Kol Amrul TUDM.

Latihan kemalangan Pesawat (PAP) adalah satu keperluan setiap tahun bagi setiap pangkalan TUDM yang mempunyai aset pesawat untuk persediaan sekiranya kemalangan pesawat sebenar berlaku.



